



23 September 2016  
23 September 2016  
P.U. (B) 421

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN ROD DAWAI KELULI DAN BAR BEBUNGA DALAM GEHELUNG YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

*NOTICE OF AFFIRMATIVE PRELIMINARY DETERMINATION  
OF AN INVESTIGATION WITH REGARD TO STEEL WIRE  
RODS AND DEFORMED BAR IN COILS PRODUCTS  
IMPORTED INTO MALAYSIA*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PELINDUNG 2006

### NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN ROD DAWAI KELULI DAN BAR BEBUNGA DALAM GEGETUNG YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 02/16)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 20(3) Akta Pelindung 2006 [Akta 657] dan peraturan 11 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [P.U. (A) 386/2007], Kerajaan telah membuat penentuan awal afirmatif berhubung dengan penyiasatan mengenai keluaran rod dawai keluli dan bar bebunga dalam gegetung yang diimport ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 1 ("keluaran").

#### **Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarif**

1. Keluaran yang disiasat ialah rod dawai keluli dalam aloi atau bukan aloi gulungan panas dan bar bebunga dalam gegetung, dalam gegetung belitan sekata atau tidak sekata, tidak termasuk—

- (a) rod dawai keluli dan bar bebunga dalam gegetung dengan kandungan karbon 0.60 peratus atau lebih atau berdiameter lebih besar daripada 16.0 milimeter; dan
- (b) keluaran yang diimport bagi maksud penggunaan akhir industri automotif, elektrik dan elektronik, minyak dan gas dan pembinaan tahan gempa bumi daripada semua gred dan spesifikasi,

yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7213.10 000, 7213.91 000, 7213.99 000 dan 7227.90 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7213.10 00 00, 7213.91 10 00, 7213.91 20 00, 7213.91 90 00, 7213.99 10 00,

7213.99 20 00, 7213.99 90 00 dan 7227.90 00 00. Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

### **Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung**

2. Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung ialah keluaran yang dikeluarkan oleh industri dalam negeri dan mempunyai perihalan yang sama dengan keluaran yang dinyatakan dalam perenggan 1.

### **Sebab bagi penentuan awal afirmatif**

3. Berdasarkan penyiasatan, pihak berkuasa penyiasat telah mendapati bahawa—

- (a) terdapat peningkatan import keluaran, secara mutlak dan relatif kepada pengeluaran dalam negeri semasa tempoh penentuan kemudaratan, iaitu mulai 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2015; dan
- (b) dalam keadaan itu, ia telah menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung berkenaan dengan penurunan bahagian pasaran, jualan dalam negeri, keberuntungan, aliran tunai, pengeluaran dan penggunaan kapasiti rendah, dan pengurangan dalam penggajian dan gaji pekerjanya.

### **Langkah perlindungan sementara yang terpakai**

4. Langkah perlindungan sementara yang terpakai hendaklah dalam bentuk duti pelindung sementara sebanyak 13.90 peratus dan dikenakan terhadap negara yang dinyatakan dalam Jadual.

### **Tempoh bagi membuat penentuan muktamad**

5. Penentuan muktamad berhubung dengan penyiasatan hendaklah dibuat dalam tempoh dua ratus hari mulai 27 September 2016.

**JADUAL**  
[Perenggan 4]  
**NEGARA YANG DIKENAKAN DUTI PELINDUNG SEMENTARA**

1. Armenia
2. Australia
3. Kanada
4. Croatia
5. Republik Czech
6. Kesatuan Eropah
7. Republik Persekutuan Jerman
8. Perancis
9. Greece
10. Hungary
11. Ireland
12. Itali
13. Jepun
14. Negara Belgium
15. Negara Denmark
16. Negara Norway
17. Negara Sepanyol
18. Negara Sweden
19. Negara Belanda
20. Liechtenstein
21. Luxembourg
22. New Zealand
23. Republik Rakyat China
24. Republik Portugal
25. Republik Austria
26. Republik Bulgaria
27. Republik Cyprus
28. Republik Estonia